



اونيورسيتي كېڤڤسان مليسيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

UKM(S)3.6/246/3

20 Februari 2006

Semua Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PENGUMUMAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN DAN KHAS BIL. 1/2006
PADA 16 – 19 Mei 2006**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara diatas dan bersama-sama ini disertakan Jadual Peperiksaan Perkhidmatan dan Khas Bil. 1/2006 yang akan diadakan pada **16 – 19 MEI 2006**.

2. Sehubungan dengan itu kerjasama YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan adalah diminta untuk mengedarkan maklumat ini kepada kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional (bukan akademik) dan Kumpulan Sokongan yang di bawah pengawasan YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan yang ingin memohon untuk menduduki sama ada:-

- i) **Peperiksaan Perkhidmatan** untuk pengesahan jawatan bagi kakitangan yang dalam tempoh percubaan (sila rujuk Jadual A)

Atau

- ii) **Peperiksaan Khas** untuk memasuki skim perkhidmatan tertentu melalui urusan Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) tertakluk kepada kekosongan jawatan bagi kakitangan yang telah disahkan dalam jawatan (sila rujuk Jadual B).

3. Kakitangan yang ingin menduduki peperiksaan ini adalah diminta mengisi borang seperti berlampir dan mengembalikannya ke Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar pada atau sebelum **31 MAC 2006**. Kakitangan yang telah memohon untuk menduduki peperiksaan perkhidmatan atau peperiksaan khas tetapi tidak hadir pada hari peperiksaan tanpa memberikan alasan yang munasabah secara bertulis kepada Urusetia Peperiksaan tidak akan dibenarkan menduduki peperiksaan yang berikutnya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

MAZALAN NORDIN

Penolong Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia
b.p. Pendaftar

s.k. Presiden KESUKMA

:berlampir